

SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT AM

Pembekal hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh pembekal.

1 Keadaan Barang

Semua barang hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

2 Pengenalan Barang

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

3 Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi

Pembekal dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

4 Barang-Barang Setara

Pembekal boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5 Barang Ex-Stok atau Barang Keluaran Malaysia

5.1 Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

5.2 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

6 Barang Dipesan Dari Luar Malaysia

6.1 Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

6.2 Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

6.3 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah digantikan oleh pembekal.

7 Tawaran Pembekal

7.1 Pembekal dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeri atau satu zon/negeri sahaja jika pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

7.2 Pembekal dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua item, sebahagian item atau mana-mana item. Setiap tawaran bagi setiap item akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

7.3 Tawaran harga hendaklah mengambilkira kenaikan fi perkhidmatan bagi perolehan yang dilaksanakan melalui Sistem Tenderwizard. Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang **dikenakan oleh pihak Century Software (M) Sdn. Bhd.** kepada Petender yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta. **8% cukai perkhidmatan** juga akan dikenakan daripada fi perkhidmatan tenderwizard tersebut.

8 Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan dan fi perkhidmatan Sistem Tenderwizard. Sah laku tawaran adalah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak akan dipertimbangkan.

9 Fi Perkhidmatan Sistem Tenderwizard

9.1 Fi perkhidmatan Sistem Tenderwizard yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran di bawah Sistem Tenderwizard. Kadar fi perkhidmatan adalah seperti berikut :

One-Off

- i) Fi perkhidmatan sebanyak 0.8% dan 8% cukai perkhidmatan dari fi perkhidmatan tenderwizard bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard akan dikenakan kepada pembekal / syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.

10 Cukai

10.1 Pembekal hendaklah menawarkan harga bagi sebut harga tanpa mengambil kira bayaran cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018/Akta Cukai Perkhidmatan 2018 – Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan (CJ/CP) (selepas ini dirujuk sebagai Harga Tanpa CJ/CP). Meskipun demikian, pembekal masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam Harga Tanpa CJ/CP tersebut bagi bayaran kos yang berkaitan dengan pematuhan kepada mana-mana peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan, undang-undang kecil atau mana-mana perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau Syarikat Perkhidmatan Awam berkaitan dengan perolehan ini.

10.2 Pembekal hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran CJ/CP dengan mengemukakan nombor Pendaftaran CJ/CP dan Sijil Pendaftaran CJ/CP daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bersama-sama dokumen sebut harga.

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

10.3 Sekiranya pembekal yang berjaya didapati berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018, maka Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dengan menawarkan Harga Tanpa CJ/CP yang dicampurkan dengan kos kenaikan cukai CJ/CP. Sebaliknya sekiranya pembekal yang berjaya tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018, maka hanya Harga Tanpa CJ/CP sahaja akan disetuju terima melalui SST.

10.4 Bagi pembekal yang mengisytiharkan tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018/ Akta Cukai Perkhidmatan 2018 setelah Harga Tanpa CJ/CP tersebut disetuju terima oleh Suruhanjaya, maka pembekal yang berjaya tersebut hendaklah memohon kepada Suruhanjaya bagi pelarasan harga berkaitan dengan kenaikan CJ/CP semasa untuk baki Harga Kontrak yang dikenakan CJ/CP dengan mengemukakan satu salinan surat kelulusan pendaftaran CJ/CP daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia berserta dengan nombor pendaftarannya.

11 Insurans

Tiada apa-apa insurans atau barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

12 Mata Wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

13 Persetujuan Penerimaan Tawaran

13.1 Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetuju terima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana tawaran sebutharga. Suruhanjaya berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebutharga daripada mana-mana petender yang menyertai sebutharga ini.

13.2 Suruhanjaya berhak untuk mengadakan perbincangan/ rundingan lanjut dengan pembekal yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetuju terima. Hak Suruhanjaya untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Suruhanjaya menyetujui terima keputusan rundingan.

13.3 Suruhanjaya juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan pembekal yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetuju terima.

13.4 Keputusan adalah muktamad. Suruhanjaya adalah tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab ke atas mana-mana cadangan tawaran yang tidak berjaya.

13.5 Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pembekal yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

14 Iklan Dan Publisiti

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

15 Bon Pelaksanaan

15.1 Bagi kontrak bekalan /perkhidmatan, pembekal yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

- i) Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
- ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- iii) Bagi kontrak bermasa (periodic contract) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

15.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.

15.3 Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

15.4 Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST pembekal.

16 Tafsiran

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan pembekal bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

17 Pemeriksaan

17.1 Suruhanjaya sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.

17.2 Pembekal hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

17.2 Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh pembekal.

18 Penolakan Barang / Perkhidmatan

18.1 Barang / perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan / perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran pembekal boleh ditolak.

18.2 Apabila diminta, pembekal hendaklah menyebabkan barang / perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang/ perkhidmatan yang ditolak itu.

18.3 Perkara 18.1 dan 18.2 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

19 Kuantiti Tawaran/Kuantiti Tambahan

Suruhanjaya boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan pembekal hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

Arahan kepada Pembekal ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

1 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2 Penyediaan dan Penyerahan Cadangan Tawaran

2.1 Pembekal hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk memuat naik semua dokumen sokongan dan lampiran wajib yang disenaraikan dalam Sistem Tenderwizard serta menyerahkannya secara atas talian sebelum tarikh dan waktu tutup sebut harga.

2.2 Pembekal adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cap nama dan memuat naik tanda syarikat di dalam dokumen cadangan teknikal yang dikemukakan secara atas talian. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

2.3 Semua dokumen yang diserahkan oleh pembekal termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Pembekal hanya dibenarkan menghantar SATU (1) cadangan sahaja bagi cadangan yang ditawarkan.

2.4 Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, pembekal hendaklah memastikan ia dihantar sebelum tarikh tutup sebutharga.

2.5 Suruhanjaya akan membuat pemberitahuan kepada pembekal sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan sebutharga ini di dalam Sistem Tenderwizard. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notifikasi oleh sistem kepada pembekal dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

2.6 Pembekal bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen atas talian berjaya dibuat. Suruhanjaya tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan pembekal dalam melaksanakan penyerahan dokumen atas talian. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

3 Perbelanjaan Penyediaan Cadangan Tawaran

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembekal sendiri.

4 Tempoh Sah Laku Tawaran

Tempoh sah laku tawaran adalah selama 90 hari daripada tarikh tutup sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Pembekal yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

5 Tawaran Pilihan

Setiap pembekal tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (alternative offer) bagi mana-mana butiran yang dikunci masuk. Jika terdapat tawaran pilihan, Suruhanjaya berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

6 Pembatalan Pelawaan

Suruhanjaya berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembekal kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembekal.

7 Pemberitahuan Penerimaan

7.1 Pemberitahuan kepada pembekal yang berjaya mendapat tawaran Suruhanjaya akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

7.2 Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada pembekal tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

7.3 Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Suruhanjaya dengan pembekal itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

8 Tempoh Kontrak

Tempoh kontrak adalah:

Tempoh Pelaksanaan	: Lima (4) Bulan
Tempoh Jaminan	: Jaminan Pembekal mengikut jenis peralatan seperti di dalam Sebut Harga

9 Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

9.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan pembekal atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.

9.4 Mana-mana pembekal atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

10 Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

10.1 Perkara ini adalah merujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia melalui PP, PK 1/2013 - Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan.

10.2 Kesemua pembekal yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida yang mengandungi pengakuan bahawa :

- (i) Pembekal tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- (ii) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.

10.3 Sekiranya pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (withhold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

10.4 Pembekal yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Suruhanjaya juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

11 Pelaksanaan Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (*PROTÉGÉ*) Tidak Berkaitan

12 PERTANYAAN

Pertanyaan Tawaran

11.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh dirujuk ke alamat berikut :

Unit Perolehan, Bahagian Kewangan

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Aras 10, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur

Puan Norshuhadah binti Abd Malik	03 20834043	norshuhadah@skm.gov.my
Encik Muhammad Shahir bin Razemi	03 20834186	shahirrazemi@skm.gov.my
Puan Nur Aqilah binti Mohd Ali	03 20834000 smbg 4582	nuraqilah@skm.gov.my
Puan Nor Fadlin binti Ahmad	03 20834000 smbg 4584	norfadlin@skm.gov.my

11.2 Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup sebut harga tidak akan dilayan.

Pertanyaan Teknikal

11.3 Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan Sistem Tenderwizard boleh dirujuk ke pegawai berikut:

Century Software (M) Sdn. Bhd. (CENSOF)

A-8, Block A, Level 8, Sunway PJ @ 51A, Jalan SS9A/19 Seri Setia, 47300 Selangor

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

03 79627870 / 7947 / 7957 / 7819 / support@tenderpintar.com

SYARAT-SYARAT KHAS

TERMA KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

1 TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan pembekal bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

2 KONTRAK

2.1 Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana Lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dan pembekal yang berjaya. Pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Suruhanjaya dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

2.2 Suruhanjaya tidak terikat dengan nilai kontrak (nilai/kuantiti), lepas habis tempoh kontrak, tidak mencapai nilai/kuantiti kontrak yang ditetapkan.

3 NILAI KONTRAK

3.1 Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam Surat Setuju Terima (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Nilai Kontrak”) dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada pembekal memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Suruhanjaya hendaklah sebagai ganjaran kepada perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembekal, pada setiap bulan dalam Tempoh Kontrak berkuatkuasa membuat pembayaran kepada pembekal mengikut Klausula Pembayaran.

3.2 Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga perkhidmatan boleh dibuat oleh pembekal kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Suruhanjaya.

4 PENAMATAN KONTRAK OLEH SURUHANJAYA

4.1 Keingkaran oleh pembekal - Dalam keadaan di mana pembekal, tanpa sebab-sebab yang munasabah:

- (i) Menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara tetap dan tekun;
- (ii) Gagal melaksanakan obligasi di bawah kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara berterusan;
- (iii) Melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat kontrak ini,

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

maka Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pembekal dengan menyatakan butir-butir kegagalannya dan meminta Pembekal untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tersebut. Sekiranya Pembekal gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada Pembekal.

4.2 Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak:

Jika Pembekal itu sebagai:

(a) orang perseorangan (atau apabila Pembekal itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi) pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau Pembekal telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutang atau;

(b) sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak;

(i) satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pemiutang adalah terjamin;

(ii) syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesai sementara (provisional liquidator) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pemiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pemiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya;

(iii) pelaksanaan terhadap sebahagian besar aset syarikat dikenakan levi melainkan ia telah dengan suci hati memulakan prosiding untuk mengenenpikan pelaksanaan tersebut,

maka Suruhanjaya berhak menamatkan kontrak ini serta-merta dengan memberi notis kepada pembekal bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan hak-hak lain Suruhanjaya untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi yang terakru dalam kontrak ini.

Dalam keadaan di mana kebangkrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, pembekal mengakujani untuk memaklumkan Suruhanjaya dalam masa 90 hari mengenai niatnya untuk diisytiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, pembekal hendaklah memberi nasihat kepada Suruhanjaya mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan barangan berkenaan.

4.3 Dalam keadaan di mana kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Suruhanjaya hendaklah berhak menuntut daripada pembekal apa-apa kerugian atau ganti rugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjejaskan apa-apa hak lain yang ada pada Suruhanjaya di bawah kontrak ini.

4.4 Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan atau memprejudiskan hak-hak pihak-pihak yang telah wujud sebelum penamatan kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan di bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

5 PENAMATAN KONTRAK DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG

5.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Suruhanjaya, sekiranya Pembekal, kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Kontrak ini atau apa-apa kontrak lain yang dimasuki oleh Pembekal dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Suruhanjaya hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada Pembekal.

5.2 Suruhanjaya berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Suruhanjaya akibat daripada penamatan itu.

5.3 Pihak-Pihak bersetuju bahawa Pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

6 PENAMATAN KONTRAK ATAS KEPENTINGAN NEGARA

6.1 Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Suruhanjaya berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Pembekal (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Suruhanjaya berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.

6.2 Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

6.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Pembekal tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, ganti rugi atau sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

7 POTONGAN PEMBAYARAN

7.1 Suruhanjaya berhak memotong apa-apa bayaran yang perlu dilakukan oleh Suruhanjaya kepada pembekal bagi melaksanakan hak-hak Suruhanjaya yang wujud di bawah kontrak ini. Potongan terhadap bayaran yang perlu dilakukan kepada Suruhanjaya oleh pembekal adalah seperti berikut:

Tidak Berkaitan

8 TERMA PEMBAYARAN

Pembayaran bagi semua perkara dan skop kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga ini mestilah sah laku dalam tempoh 90 hari daripada tarikh tutup tawaran.

9 FI PERKHIDMATAN SISTEM TENDERWIZARD

9.1 Fi perkhidmatan Sistem Tenderwizard yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran di bawah Sistem Tenderwizard. Kadar fi perkhidmatan adalah seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

One-Off

- ii) Fi perkhidmatan sebanyak 0.8% dan 8% cukai perkhidmatan dari fi perkhidmatan tenderwizard bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard akan dikenakan kepada pembekal / syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.

10 BON PELAKSANAAN

10.1 Bagi kontrak bekalan /perkhidmatan, pembekal yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:

- i) Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
- ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- iii) Bagi kontrak bermasa (periodic contract) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

10.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:

- i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
- ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
- iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikatsyarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
- iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau
- v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

10.3 Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

10.4 Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai dan dilaksanakan dengan memuaskan. Surat Pelepasan (Letter of Discharge) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

10.5 Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima Pembekal.

11 Denda *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)

11.1 Pembekal dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/ perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Suruhanjaya setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Sekiranya pembekal gagal melaksanakan pembekalan barang/ perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Suruhanjaya berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

11.2 Kadar bagi kenaikan LAD untuk bekalan/ perkhidmatan ICT adalah seperti berikut :

- Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

11.1 Kadar bagi denda untuk bekalan/ perkhidmatan (cth; peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ict, toner pencetak, kertas A4, dll) adalah seperti berikut :

$$\text{Bekalan : } \frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

V : Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;

T : Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan

D : Bilangan hari yang lewat

11.2 Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan:

$$\text{Perkhidmatan : } A \times B \times C \times 1\%$$

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.

B : Bilangan hari yang lewat.

C : Bilangan peralatan.

11.3 Kadar bagi denda untuk bekalan (cth; peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, toner pencetak, kertas A4, dll):

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

- Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Kerajaan boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- Kerajaan akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.

11.4 Kadar bagi denda untuk perkhidmatan (cth; sewaan peralatan ICT):

- Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Kerajaan berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Kerajaan tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.

11.5 Suruhanjaya berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh pembekal dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

11.6 Sekiranya Suruhanjaya mendapati pembekal masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Suruhanjaya adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada pembekal.

12 TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah:

Tempoh Pelaksanaan	: Lima (4) Bulan
Tempoh Jaminan	: Jaminan Pembekal mengikut jenis peralatan seperti di dalam Sebut Harga

13 ADDENDUM/ PINDAAN

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan, pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

14 KERAHSIAAN

14.1 Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya, Pembekal dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. Pembekal dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Pembekal dan kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Suruhanjaya.

14.2 Semua maklumat termasuk maklumat terperinci dan data-data berkaitan ketenteraan dan maklumat operasi (jika ada) yang dibekalkan oleh Kerajaan berhubung Kontrak ini tidak boleh didedahkan oleh Pembekal kepada orang lain (pihak ketiga). Pembekal adalah

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan dengan maklumat terperingkat yang diuruskan olehnya dan memastikan pengendalian maklumat terperingkat tersebut adalah mengikut darjah keselamatan yang diberi kepadanya.

14.3 Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

15 HARTA INTELEKTUAL

15.1 Semua hak cipta dan hak harta intelektual yang lain bagi barangan yang dibekalkan oleh Pembekal di bawah Kontrak ini hendaklah menjadi hak Kerajaan dan Pembekal tidak boleh pada bila-bila masa atau semasa tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini dalam apa-apa jua cara sekalipun mempersoal atau mempertikai hak Kerajaan. Hak harta intelektual di bawah klausa ini hendaklah terletak pada Kerajaan yang bebas daripada semua lien, tuntutan dan bebanan.

15.2 Pembekal hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tuntutan jika barangan yang dibekalkan melanggar paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar.

15.3 Pembekal hendaklah melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan bagi pelanggaran apa-apa paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar berkenaan barangan yang dibekalkan di bawah Kontrak ini dan terhadap semua kos di mana Kerajaan perlu menanggung bagi pelanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi Kerajaan bertanggungjawab.

15.4 Jika penggunaan atau pemilikan oleh Kerajaan berkemungkinan membawa kepada apa-apa pelanggaran hak harta intelektual, maka Pembekal hendaklah secara serta-merta dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk Kerajaan hak untuk terus menggunakan atau memiliki barangan tersebut atau mengubahsuai atau menggantikan barangan tersebut untuk mengelakkan daripada pelanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, Pembekal hendaklah mengganti rugi kerugian langsung atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Kerajaan semasa pengubahsuaian atau penggantian itu).

15.5 Jika alternatif-alternatif dalam klausa di atas tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab tertentu, maka Pembekal hendaklah mengambil balik barangan dan membuat bayaran balik kepada Kerajaan.

16 IKLAN

Pembekal tidak boleh tanpa kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana orang untuk mengiklankan Kontrak ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

17 PENEPIAN

17.1 Kegagalan Suruhanjaya atau Pembekal menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.

17.2 Sebarang penepian oleh Suruhanjaya hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Pengerusi Eksekutif atau pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

17.3 Sebarang penepian oleh Pembekal hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Pembekal atau wakil yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

18 KONTRAK KECIL

18.1 Pembekal tidak boleh membuat atau memberikan kontrak kecil terhadap Kontrak ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Suruhanjaya.

18.2 Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Suruhanjaya, Pembekal bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan pembekal kecil mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.

18.3 Sebarang isu yang timbul antara Pembekal dan pembekal kecil mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Suruhanjaya.

19 SERAH HAK ATAU NOVASI

Pembekal tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, menyerahkan hak, memindahkan, menggadaikan janji, menggadaikan atau mempertanggungjawabkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini.

20 JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

20.1 Sebarang pertikaian antara pihak-pihak dengan apa-apa perkara di bawah Kontrak ini (kecuali berkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak di bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:

(i) Pengerusi Eksekutif sebagai Pengerusi atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberikuasa sewajarnya secara bertulis;

(ii) seorang wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan

(iii) seorang wakil yang dilantik oleh Pembekal

20.2 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.

20.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.

20.4 Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbangtara.

20.5 Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi, masing-masing akan mempunyai satu undi.

20.6 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.

21 TIMBANGTARA

21.1 Dalam keadaan di mana Kerajaan dan Pembekal gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbangtara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbangtara di bawah Akta Timbangtara 2005.

21.2 Untuk tujuan timbangtara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:

- (i) Prosiding timbangtara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre);
- (ii) Satu (1) Penimbangtara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur;
- (iii) Tempat timbangtara dijalankan adalah di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur menggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;
- (iv) Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbangtara ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- (v) Undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini ialah Undang-undang Malaysia; dan
- (vi) Keputusan penimbangtara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.

21.3 Obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbangtara atau sepanjang tempoh prosiding timbangtara berlangsung.

22 FORCE MAJEURE

22.1 Suruhanjaya dan Pembekal tidak akan dikira sebagai memungkiri sebarang obligasi di bawah Kontrak ini sekiranya ia tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) akibat daripada kejadian Force Majeure kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian Force Majeure bermaksud:

- (i) Peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing;
- (ii) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (iii) Bencana alam semulajadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaran spontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semulajadi yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga.
- (iv) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (v) Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udara pada kelajuan sonik atau supersonic;

NO. SEBUT HARGA : S011/2024

(vi) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen Pembekal; dan

(vii) Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak.

22.2 Jika kejadian Force Majeure tersebut menyebabkan salah satu pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian Force Majeure tersebut, pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa empat belas (14) hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian Force Majeure tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

22.3 Sekiranya Pembekal ingin memohon sebarang perlanjutan masa, Pembekal dikehendaki mengemukakan kepada Suruhanjaya segala bukti yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebut dan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini. Suruhanjaya berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuashati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari Force Majeure yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi di bawah Kontrak ini telah terjejas.

22.4 Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian Force Majeure tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepada kegagalan niat asal Kontrak ini, maka pihak-pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.

22.5 Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian Force Majeure berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada Pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian Force Majeure tersebut.

22.6 Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya pihak-pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian Force Majeure tidak berlaku.

22.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasi yang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian Force Majeure dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

22.8 Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen Pembekal atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh Pembekal yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.